

# Bahasa & sekarang



Lima puluh tahun bukanlah satu tempoh yang singkat. Kalau seseorang itu lahir 50 tahun lalu, beliau kini mungkin sudah ada cucu. Begitu juga dengan perkembangan bahasa Melayu yang telah melalui pelbagai cabaran, perubahan dan penerimaan perkataan-perkataan asing. Wartawan **ZAINAL JAMARI** (jaz@sph.com.sg) menyorot serba sedikit cabaran dan perkembangan tersebut dalam dua rencana di bawah ini.

MESKIPUN bahasa Melayu yang sempurna kian kurang kedengarannya apabila kita duduk-duduk di kedai kopi mendengar perbualan hari ini, dapat dirasakan bahawa kepentingannya tetap sama sekarang seperti dahulu.

Sebagai seorang yang telah bersama akhbar ini lebih 35 tahun, saya yakin bahawa bahasa Melayu akan kekal relevan untuk 35 tahun yang akan datang.

Kesedaran terhadap bahasa Melayu kian meningkat dan meskipun mutunya mungkin merosot, perluasan penggunaannya masih meningkat.

Saya katakan bahawa mutunya mungkin merosot kerana kini, banyak perkataan Inggeris sudah dicampur-adukkan dengan bahasa Melayu.

Sesetengah perkataan itu memang sukar diterjemahkan atau tiada langsung dalam kamus Melayu, tetapi banyak juga perkataan Inggeris yang dipakai kerana kemudahan menyampaikan maksud yang dikehendaki.

Perkataan-perkataan seperti prosedur, protokol, rutin, diet, bisnes dan hipokrit misalnya, kian kerap digunakan sama ada dalam pertuturan atau penulisan.

la kini sudah diterima oleh ramai pengguna bahasa Melayu. Apakah ini satu perkembangan yang baik atau sebaliknya? Perbahasan mengenai pro dan kontranya masih belum selesai.

Media cetak seperti Berita Harian juga tidak terkecuali dan perlahan-lahan, perkataan-perkataan begini kian kelihatan.

Keinginan untuk mendedahkan anak-anak kepada bahasa Melayu yang betul sejak dari kecil atau di peringkat sekolah rendah juga kian ketara.

Untuk memenuhi permintaan tersebut, maka lahirlah GEN G yang diterbitkan akhbar ini.

Suatu masa dulu, ada kempen untuk menggalakkan

penyebutan baku dalam bahasa Melayu. Tujuannya memang baik dan masuk di akal kerana bakal menyeragamkan penyebutan di seluruh Nusantara yang mempunyai sekitar 300 juta pengunanya – atau mungkin lebih.

Namun entah di mana silapnya, ia gagal menjadi kenyataan dan harapan tinggal harapan.

Apa pun, bagi yang boleh berbahasa Melayu, mereka tentu tidak berasa janggal sekiranya berkembara di rantau Nusantara atau mempunyai rangkaian perniagaan.

Bahasa Inggeris mungkin merupakan bahasa dunia, tetapi di rantau kita, bahasa Melayu adalah 'raja'.

Semasa saya di sekolah rendah, masih ingat lagi bahawa tiap tahun akan diadakan kempen Bahasa Kebangsaan.

Di sekolah, kami akan membuat poster-poster dengan slogan seperti 'Bahasa Jiwa Bangsa' dan banyak lagi yang saya tidak ingat.

Bagaimanapun, semasa di sekolah menengah, saya tidak ingat kempen itu diadakan kerana mungkin pada tahun-tahun 1970-an, fokus kita ialah bahasa Inggeris untuk 'menyambung' Singapura dengan rangkaian dunia.

Kalau ada pun, mungkin pada skala yang kecil.

Namun akhir-akhir ini, kita melihat semula kempen-kempen menggalakkan penggunaan bahasa Melayu di peringkat nasional dalam bentuk Bulan Bahasa.

Pelbagai kegiatan yang berkaitan dengan bahasa dan budaya Melayu dianjurkan sempena bulan tersebut dan ada rancangan untuk melancarkan Bulan Bahasa 2015 di Gardens by The Bay sempena sambutan ulang tahun ke-50 negara.

Syabas.







Demikian serba sedikit putaran mengenai naik turunnya bahasa Melayu yang kita cintai.

Apa pun, saya masih yakin bahawa bahasa Melayu bukan sahaja akan kekal relevan, bahkan dapat dimartabat dan diperkasakan ke tahap yang lebih tinggi.

## Berita Minggu



## Masjid Yusof Ishak jadi keharmonian masyarakat



## SEKILAS ACARA SG50

Layari laman [www.singapore50.sg](http://www.singapore50.sg) untuk maklumat lanjut.

### SIRI KONSERT DI TAMAN

NPARKS akan mengadakan konsertnya yang pertama dalam Siri Konsert SG50 di Taman Bishan-Ang Mo Kio pada hari ini (14 Mac).

Ini merupakan konsert pertama dalam siri enam konsert yang akan diujarkannya.

### FESTIVAL MUZIK 2015: SUARA-SUARA BELIA

Suara-Suara Belia merupakan satu persembahan tahunan yang memaparkan irama-irama yang biasa didengari di Singapura dan dipersembahkan tanpa iringan muzik.

Persembahan tersebut yang bertujuan merapatkan hubungan antara kaum di sini untuk meraikan SG50 melalui muzik akan diadakan di seluruh negara, bermula di Bedok pada hari ini (14 Mac).

## KIAN RAMAI MINATI bahasa Melayu

KEDUDUKAN Singapura yang dikelilingi negara-negara yang menggunakan bahasa Melayu telah membantu menjadikan bahasa itu sebagai pilihan mereka yang mahu menguasai bahasa asing.

Keadaan Singapura yang berbilang kaum pula menjadikan pilihan itu sesuatu yang semula jadi.

Demikian yang disaksikan di Pusat bagi Pembelajaran Bahasa Moden (CML), Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

Pusat tersebut menawarkan program bahasa Asia dan Eropah kepada mahasiswanya. Para mahasiswa mengambil subjek itu sebagai elektif wajib mereka.

Selain bahasa Melayu, CML turut menawarkan pembelajaran bahasa Arab, Vietnam, Korea, Perancis dan Sepanyol. Bahasa-bahasa itu diajar sebagai bahasa asing kepada mereka yang bukan penutur asli bahasa tersebut.

Bagi bahasa Melayu, pelajarannya terdiri daripada pelbagai bangsa termasuk Cina, India, Perancis, Taiwan dan Eropah.

Menurut Pensyarah dan Penyelaras Bahasa Melayu di CML, Cik Hani Mustafa, di balik tawaran pelbagai bahasa untuk dipelajari, ramai mahasiswa melihat bahasa Melayu sebagai pilihan yang baik dan semula jadi bagi mereka.

"Ramai yang mahu belajar bahasa Melayu agar mereka mudah dan lebih mesra berhubung dengan rakan atau jiran mereka yang berbilang bangsa Melayu.

Bahasa pastinya dapat memesrakan hubungan antara manusia," kata Cik Hani.

Selain itu, ada pula yang melahirkan harapan agar lebih mudah berkomunikasi dengan rakan-rakan di Malaysia dan Indonesia apabila mereka ke negara tersebut.

"Walaupun bahasa Inggeris semakin digunakan oleh ramai orang, ini tidak melemahkan kedudukan bahasa ibunda dan dalam hal ini bahasa Melayu dilihat penutur asing sebagai penting dan bermakna dalam mengukuhkan hubungan dengan rakan dan jiran, khususnya dalam konteks negara berbilang kaum seperti Singapura," tambahanya.

Untuk penggal ini, CML membuka 12 kelas bahasa Melayu dengan setiap kelas mempunyai sekitar 24 orang.

"Pada mulanya kelas kami dibataskan kepada 22 pelajar sahaja, tetapi melihat kepada senarai menanti yang panjang, kami tidak sampai hati untuk menghampakan mereka lalu menambah jumlah pelajar bagi setiap kelas.

"Meskipun telah ditambah jumlah pelajar, masih ada lebih 100 pelajar yang terpaksa kami tolak kerana tidak ada tempat kosong."

Para pelajar harus mempelajari bahasa pilihan mereka selama satu penggal dan menduduki ujian yang menilai kemahiran bertutur, mendengar, menulis dan membaca. Mereka juga berpeluang mengetahui budaya orang Melayu.



## KUIZ #lahug50

### MENANGI!

Beg goodie SG50 yang mengandungi sehelai beg tote, sebuah lencana, sekeping pelekat logo SG50 dan set kalendar.

Mudah sahaja!

Jawab soalan berikut dan hantarkan jawapan anda kepada [bhsg50@sph.com.sg](mailto:bhsg50@sph.com.sg). Sertakan butir-butir peribadi iaitu nama, usia, alamat dan nombor telefon anda.

### SOALAN

Sebutkan empat perkataan Inggeris yang diberikan sebagai contoh perkataan asing yang kini digunakan dalam penulisan bahasa Melayu.

Tarikh tutup: 4 April 2015

### Syarat-syarat:

- Keputusan pihak Berita Harian adalah muktamad.
- Setiap pembaca hanya boleh menjawab sekali sahaja.